

15/01/2002

Pak Lah bidas sikap putar belit pemimpin Pas

Lichong Angkui; Shamsul Kamal Amarudin; Thaddius Unnip
KOTA KINABALU, Isnin - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini membidas Pas kerana terus memutarbelitkan peristiwa berdarah di Sauk dan beberapa insiden lain sebagai lakonan dan sandiwara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sikap berdolak-dalik pemimpin Pas selain mengubah kenyataan dari semasa ke semasa membuktikan mereka sendiri bersandiwara.

"Mereka (pemimpin Pas) sekarang ini cuba nak berdolak-dalik dan nak buat perubahan...berubah sikit pendirian asal mereka yang kata segala-galanya sandiwara.

"Saya percaya Pas (mengubah pendirian) setelah dengar suara rakyat dan mereka yang berkenaan, terutama pasukan keselamatan yang menentang pandangan Pas bahawa peristiwa itu adalah sandiwara," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Penerangan Umno Sabah di Kompleks Tabung Haji di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Naib Presiden Pas, Datuk Mustafa Ali, bahawa parti itu tidak menganggap pembunuhan dua anggota oleh kumpulan al-Ma'unah dalam peristiwa Sauk sebagai sandiwara.

Sebaliknya, Pas hanya menganggap peristiwa rompakan senjata di Grik sebagai sandiwara.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, sebenarnya Pas yang bersandiwara berikutan pendirian yang berubah ubah.

Katanya, Pas membuat kenyataan sesuka hati sekadar mengembirakan mereka yang hadir mendengar ceramah mereka.

"Mereka (pemimpin Pas) memberikan pandangan yang taksub...tak ambil kira langsung realiti. Pandangan orang lain tidak didengar. Yang mereka nak supaya orang dengar pandangan mereka saja," katanya.

Abdullah kesal peristiwa berdarah seperti kejadian di Batu Pahat pada 1980, insiden Memali pada 1985 dan al-Ma'unah di Sauk dimanipulasikan pembangkang, walaupun peristiwa itu benar-benar berlaku.

"Saya menegaskan Malaysia bukannya studio 'Hollywood' atau 'Bollywood'. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukannya pengarah filem dan anggota Jemaah Menteri bukannya krew syarikat perfileman.

"Anggota pasukan keselamatan terutama yang terkorban, hakim, pendakwa raya dan penjenayah yang didapati bersalah bukannya pelakon filem. Mahkamah dan institusi kerajaan yang terbabit bukannya 'backdrop' satu lakonan filem," katanya.

Abdullah berkata, pemimpin Pas sudah terlalu banyak bersandiwara dan berlakon selain melakukan banyak perkara mungkar, termasuk menghalalkan cara untuk mencapai matlamat politik.

"Pas sebenarnya mengamalkan fahaman asabiah yang tetap membela dan melindungi kesalahan yang dilakukan jika yang melakukan itu adalah ahli Pas.

"Pas adalah satu contoh gerakan taksub yang mengamalkan fahaman sempit hingga membolehkan ahli-ahli mereka mengatasi undang-undang dan melanggar peraturan demi mahu mencapai kuasa dan kemenangan politik," katanya.

Abdullah turut mengkritik Pas yang memutarbelitkan isu pembentukan negara Islam sedangkan parti itu sehingga kini gagal menghuraikan bentuk dan kandungan negara Islam yang dilaungkannya.

Sementara itu, Timbalan Pendana Menteri berkata, kerajaan tidak akan membenarkan sebarang pendekatan bercorak keganasan dan militan untuk sebarang tujuan.

Katanya, kerajaan tetap berpendirian tegas menangani isu dan ancaman daripada sebarang kumpulan militan, baik melalui pendekatan pencegahan atau pengubatan.

(END)